



**UCAPAN SIDANG MEDIA
YB DATUK HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

**BERKENAAN
PROGRAM KEMBARA AL-AMIN
RAMADHAN 1442H/2021M**

Bil.9/2021

Saya ingin memohon jasa baik pihak media untuk melaporkan kepada masyarakat mengenai perkara-perkara berikut :

1. Sempena kedatangan bulan Ramadhan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) memperkenalkan program **Kembara Al-Amin Ramadhan 1442H/2021M** mulai **1 Ramadan 1442H** sehingga **30 Ramadan 1442H**.
2. Kembara Al-Amin merupakan sebuah **jenama program digital yang disiarkan menerusi media sosial rasmi JAKIM** dan

PPZ MAIWP secara umumnya bertujuan mengajak masyarakat sama-sama menghayati pengisian bulan Ramadhan menerusi media sosial. Selain itu, ia juga sebagai salah satu usaha dakwah dan penyebaran nilai-nilai murni dalam memastikan pengguna media sosial menerima pengisian bermanfaat dan maklumat terkini yang tepat berkaitan hal ehwal Islam.

3. Objektif penganjuran program ini ialah :
 - i. Menyampaikan pengisian bermanfaat dan **maklumat hal ehwal Islam yang tepat** kepada pengguna media sosial berkaitan tema Ramadan.
 - ii. Mengajak umat Islam **mencontohi sunnah Rasulullah SAW dalam menghayati bulan Ramadhan** dengan melaksanakan ibadah dan amalan-amalan soleh.
 - iii. Meningkatkan imej agensi agama dan **mempromosikan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh JAKIM dan PPZ-MAIWP** kepada masyarakat.

4. PENGISIAN PROGRAM

Sebanyak **13 segmen** disediakan berkonsepkan bual bicara, infografik, videografik, peraduan, doa dan zikir harian yang disiarkan secara langsung mahupun rakaman seperti berikut :

Bil	Segmen	Keterangan
1	Tanya JAKIM Ramadhan	Segmen berkaitan penjelasan isu-isu semasa hal ehwal Islam dan isu-isu berkenaan kemusykilan agama berkaitan ibadah di bulan Ramadhan yang disiarkan secara langsung 2 kali seminggu.
2	<i>Heart Talk</i> Ramadhan	Segmen tazkirah Ramadhan oleh penceramah selebriti yang disiarkan sebelum waktu solat Subuh dan sebelum waktu iftar setiap hari.
3	Sucikan Harta	Segmen khas bersama Pusat Pungutan Zakat MAIWP mengenai bual bicara isu-isu pengurusan zakat, fidyah dan muamalat Islam yang disiarkan secara langsung setiap

Bil	Segmen	Keterangan
		minggu.
4	Solat Tarawih dari Masjid Utama JAKIM	Siaran langsung solat Tarawih dari masjid utama JAKIM setiap malam.
5	Solat Tarawih dari Masjidil Haram	Siaran Langsung solat Tarawih dari Masjidil Haram yang disiarkan setiap malam.
6	Jom Ngaji	Tadarus dan tadabbur Al-Quran bersama qari-qari jemputan secara langsung selepas waktu tarawih setiap malam.
7	<i>Feel Good Sahur</i>	Zikir dan doa yang disiarkan sebelum waktu sahur.
8	Ajaibnya Ramadhan	Segmen hadis-hadis berkaitan Ramadhan, hukum fiqh dan fadilat Ramadhan dalam bentuk poster dan infografik yang disiarkan setiap hari.
9	Doa Apa Hari Ini ?	Video bacaan doa pilihan yang disiarkan secara harian.
10	Iftar Di Mana Hari Ini?	Segmen berupa pertandingan fotografi moment iftar bersama ahli keluarga atau rakan.

Bil	Segmen	Keterangan
11	Tahlil Malam Jumaat	Bacaan tahlil setiap malam Jumaat secara live.
12	Ceritaku Ramadhan	Pertandingan video kreatif khusus untuk kanak-kanak berumur 7 tahun dan ke bawah mengenai pengalaman berpuasa Ramadhan.
13	Skuad Kembara Al-Amin	Skuad Kembara Al-Amin akan turun padang menyantuni kumpulan asnaf, B40 dan barisan hadapan sepanjang bulan Ramadan.

5. Selain medium media sosial, JAKIM turut menyediakan **portal khas Kembara Al-Amin di alamat www.islam.gov.my/kembara-al-amin** yang memaparkan pelbagai info rujukan untuk umat Islam bagi memudahkan mereka di bulan Ramadhan ini. Portal mempunyai menu-menu berikut :
- i. Jadual waktu berbuka dan imsak seluruh Negara
 - ii. Kapsul Ramadhan
 - iii. Panduan Ibadah di bulan Ramadhan
 - iv. SOP Masjid dan Surau di bulan Ramadhan negeri-negeri
 - v. Venue Halal Ramadhan

- vi. Madrasah Ramadhan
 - vii. Ajaibnya Ramadhan
 - viii. Baca @Ramadhan
6. **Pihak kerajaan amat menyokong penuh** usaha-usaha seperti yang dilakukan oleh pihak JAKIM dan PPZ MAIWP ini khususnya dalam bulan Ramadhan yang mulia ini sebagai alternatif kepada pengguna media sosial agar mereka terpandu dengan amalan bemanfaat. Dengan adanya program seperti ini, semoga ia dapat mengimbangi perkara-perkara negatif di media sosial.
7. **Pihak kerajaan juga menggalakkan lebih banyak program yang bermanfaat di media sosial** sebagai medium dakwah yang berkesan. Lebih-lebih lagi dalam suasana pandemik COVID-19 pada hari ini yang menyukarkan pelaksanaan program secara fizikal, maka pembudayaan norma baharu sambutan Ramadhan boleh diteruskan melalui pengisian melalui media sosial.
8. Sehubungan itu, dimohon jasa baik pihak media untuk **membuat hebahan dan liputan** bagi penganjuran program ini.

Sekian, terima kasih.